

Keterangan Melalui *Kitābah*: Menurut Fiqh dan Undang-Undang Semasa di Malaysia

(Evidence Through *Kitābah*: According to Fiqh and Current Malaysian Laws)

WAN ABDUL FATTAH WAN ISMAIL

HJ ZULFAKAR RAMLEE

ABSTRAK

Kitābah atau dokumen sebagai kaedah pembuktian amat banyak diperbincangkan dalam undang-undang sivil dan diamalkan secara yang meluas di Mahkamah-Mahkamah Sivil. Namun konsep serta pemakaian *kitābah* di Mahkamah Syariah tidak banyak diperbincangkan secara terperinci dalam undang-undang syariah sungguhpun *kitābah* dinyatakan secara jelas di dalam *al-Qur'an* dan *Sunnah* sebagai kaedah pembuktian. Artikel ini cuba untuk merungkaikan konsep dan skop *kitābah* dari segi syarak dan perbandingannya dengan undang-undang di Malaysia. Segala bahan, maklumat dan data dalam artikel ini diperoleh dari pemerhatian serta temu bual-temu bual yang dilaksanakan ke atas pengamal undang-undang di Mahkamah Sivil dan Syariah di Malaysia. Maklumat juga turut diperolehi dari buku-buku dan artikel-artikel perundangan di dalam dan luar negara. Hasilnya, faktor kemudahan dan keadaan semasa telah memainkan peranan yang penting terhadap konsep dan pemakaian *kitābah* itu sendiri.

Kata kunci: *Kitābah*, *muharrar*, *asnad*, *hujaj*, *auraq* dan *dokumen*

ABSTRACT

Kitābah or the tendering of documents as evidence in court trial is very much discussed under the civil law and is widely practiced in the Civil Courts. However the concept and application of *kitābah* in the Syariah Courts have never been discussed in detail under syariah law eventhough *kitābah* is clearly stated in the *Qur'an* and *Sunnah* as a method of proof. This article attempts to look into the concept and scope *kitābah* in Islam and compare them with the laws of Malaysia. All materials, informations and data in this article are obtained from observations and interviews conducted on legal practitioners in Civil and Syariah Courts in Malaysia. Materials and informations are also obtained from books and articles from local and abroad. This article finds that convenience and circumstantial factors play important roles in shaping up the concept and application of *kitābah*.

Keywords: *Kitābah*, *muharrar*, *asnād*, *hujaj*, *aurāq* and *document*

PENDAHULUAN

Perundangan Islam diturunkan melalui lisan junjungan Nabi Muhammad SAW adalah bertujuan untuk memelihara lima prinsip yang merupakan satu kemestian di dalam kehidupan manusia. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan ialah memelihara agama, memelihara akal, memelihara jiwa atau nafsu, memelihara keturunan dan juga kehormatan serta memelihara harta. Setiap syariat Allah SWT diturunkan, kesemuanya adalah bertujuan kemaslahatan manusia dan menjauhkan dari segala bentuk kezaliman, membela pihak yang dianiayai dan menghukum pihak yang zalim. Selain daripada syahadah, ikrar, sumpah qarinah dan seumpamanya sebagai kaedah pembuktian dalam proses pensabitan dan penafian dalam sesuatu dakwaan, *kitābah* juga tidak kurang pentingnya. Bahkan pada hari ini *kitābah* menjadi satu kaedah terpenting berbanding kaedah-kaedah pembuktian yang lain.

KITĀBAH SECARA UMUM

Kitābah atau dinamakan juga sebagai 'dokumen' merupakan kata terbitan (كُتِبَ كِتَابًا وَكِتَابًا) *kataba*, *katban*, *kitāban*, *kitāban* yang bermaksud tulisan (*khat*). Terdapat juga di kalangan ulama seperti imam al-Qurafi, ibn Qayyim dan lain-lain menyatakan *kitābah* adalah tulisan (*khat*), ia merupakan salinan ucapan lisan dari seseorang dengan menggunakan huruf-huruf tertentu.¹ Kenyataan mereka merujuk kepada perkataan مَكْتُوبَةٌ pada hadis Rasulullah SAW:

ما حق امرئ مسلم له شيء يوصي فيه يبيت ليلة أو ليلتين
إلا ووصيته مَكْتُوبَةٌ عند رأسه

Seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya.²

Beberapa definisi yang diberikan oleh para ulama mengenai *kitābah* sama ada ulama terdahulu seperti Ibn Abidin dan juga ulama kontemporari antaranya Muhammad al-Zuhailiy³. Namun rata-rata para ulama memberi gambaran yang agak sempit mengenai *kitābah* iaitu mengaitkannya tulisan zahir yang dapat dibaca dengan penglihatan semata-mata. Kenyataan mereka ini berkemungkinan terkesan dengan kemudahan yang ada pada waktu itu dan ia amat berlainan dengan suasana semasa.

Merujuk kepada kemudahan dan teknologi yang semakin berkembang serta pengamatan yang dibuat, *kitābah* boleh ditakrifkan sebagai:

Menjelaskan atau menyifatkan sesuatu dengan menggunakan tulisan atau lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada secara klasik seperti menggunakan kertas, kayu dan seumpamanya atau secara moden seperti penggunaan disket, cakera padat, internet dan seumpamanya.

Definisi ini menunjukkan *kitābah* tidak disyaratkan menggunakan alat-alat tertentu, yang penting ialah ia dapat difahami dan ia bersifat fizikal sama ada ia boleh difahami secara terus atau dengan menggunakan peralatan tertentu. Ini bermakna rakaman suara, kaset, cakera pada dan seumpamanya juga termasuk dalam kategori *kitābah* kerana ia dapat difahami kandungan sekalipun dengan menggunakan alat-alat tertentu.⁴ Oleh itu, *kitābah* perlu dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu dari segi fungsi *kitābah* itu sendiri dan bukan hanya pada bentuk *kitābah* serta peralatan yang digunakan semata-mata, apa yang penting ialah maklumat yang hendak disampaikan dapat difahami.⁵

Takrif ini bertepatan dengan definisi dokumen seperti dalam seksyen 3, Akta Keterangan 1950 dokumen diertikan sebagai: “Apa-apa huruf, tanda, nombor, simbol atau isyarat yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti (alat atau perkakas) lain.” Dalam undang-undang maksud *kitābah* yang lebih luas dapat dilihat dalam kes *R v Masqud Ali*, yang mana mahkamah rayuan berpendapat tidak terdapat perbezaannya antara rakaman melalui gambar dan suara yang boleh diterima sebagai bahan bukti. Begitu juga dalam kes *Pendakwa raya lwn Jawan Empaling* dan *Pendakwa raya lwn Datuk Haji Sahar Arpan*, mahkamah berpendapat salinan faks dan mikrofilem termasuk di bawah definisi *kitābah* seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 3 Akta Keterangan 1950.

Di dalam kes *Mohd Ali Jaafar v Public Prosecutor*, mahkamah telah mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh melalui pita rakaman. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggunakan pita rakaman perbualan tertuduh sebagai bukti bagi mensabitkan dakwaan. Setelah penelitian pengesahan kesahihan pita rakaman tersebut, Mahkamah telah menerima pita rakaman sebagai bahan bukti bagi mensabitkan dakwaan

rasuah terhadap tertuduh kerana pita rakaman suara juga dianggap sebagai dokumen atau *kitābah*.⁶

Di Mahkamah Sivil, pita rakaman boleh dijadikan bahan bukti sekiranya telah melalui prosedur-prosedur berikut, iaitu: Melalui pemeriksaan yang terperinci dan yakin pita tersebut tidak diubah dari yang asal, Alat rakaman yang digunakan masih dalam keadaan baik dan masih boleh digunakan dengan sempurna. Pihak-pihak yang mengemukakan pita rakaman hendaklah mengulangi rakaman tersebut bagi mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dan menyalin rakaman tersebut untuk dikemukakan kepada mahkamah.⁷

Kenyataan ini dikuatkan dengan kenyataan al-Tihami seorang pakar undang-undang kontemporari yang mana *kitābah* dibahagikan kepada dua kategori, pertama: *kitābah Ṣawtiyyah* (secara sebutan) iaitu huruf atau perkataan yang boleh ditulis dan dilafazkan seperti yang digunakan panda hari ini. kedua: *kitābah* dalam bentuk tanda atau simbol-simbol tertentu yang hanya difahami oleh pihak-pihak yang tertentu sahaja seperti yang digunakan di dalam kod-kod rahsia dan sebagainya sama ada ia boleh difahami secara terus atau menggunakan alat-alat tertentu untuk membacanya. Kedua-dua bahagian ini termasuk di dalam definisi *kitābah* menurut undang-undang. Di sini jelas menunjukkan *kitābah* dari segi perundangan lebih luas berbanding dengan *kitābah* yang terdapat di dalam kitab-kitab fikah.⁸

PERBEZAAN PENGGUNAAN ISTILAH KITĀBAH

Secara amnya tidak terdapat perbezaan ketara antara *kitābah*, *muharrar*, *asnād*, *hujaj* dan juga *aurāq* kesemuanya memberi maksud dokumen. Namun jika dilihat kepada peruntukan di beberapa buah negara Islam, mereka menggunakan istilah *asnād* seperti di Syria, Lubnan dan Iraq serta *al-hujaj* di Tunisia. Manakala di Mesir pula *waraqah* dan *muharrar* digunakan berbanding *kitābah* dan Saudi pula menggunakan istilah *adillah Kitābiyyah*. Namun sesetengah pengamal undang-undang menyatakan istilah *isnād* tidak sesuai bagi menggambarkan maksud *kitābah*, ia memberi maksud yang sempit bagi *kitābah*. *Isnād* hanya merujuk kepada dokumen yang bersifat formal semata-mata seperti dokumen yang terdapat tandatangan pihak-pihak yang terlibat, sedangkan *kitābah* di sini memberi maksud yang lebih luas dari itu iaitu melibatkan dokumen yang bersifat formal atau tidak formal.

Istilah *hujaj* juga tidak sesuai untuk menggambarkan *kitābah* kerana ia tidak bersifat menyeluruh dan hanya tertumpu kepada dokumen yang berbentuk tulisan. Menurut sesetengah pengamal undang-undang, istilah yang paling sesuai untuk menggambarkan *kitābah* ialah *muharrar* atau *waraqah* kerana ia lebih umum dan melibatkan semua bentuk dokumen sama ada rasmi atau tidak rasmi.⁹ Bagi penulis, *kitābah*, *muharrar*, *asnād*, *hujaj* dan juga *aurāq* adalah sama kesemuanya memberi maksud dokumen.

PENSYARIATAN KITĀBAH

Pensyariatan *kitābah* telah termaktub di dalam al-Quran, sunah dan ijmak. Firman Allah SWT:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberikan tempoh sehingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu yang menulisnya dengan adil (benar). Dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkan. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutangnya itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi surat itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil (benar);

Surah al-Baqarah (2): 282

Nabi SAW bersabda:

Tidak ada hak seorang Muslim yang mempunyai suatu barang yang diwasiatkan, yang bermalam dua malam, kecuali wasiatnya itu ditulis (disaksikan) di sisinya.¹⁰

Hadis ini secara jelas menyatakan pentingnya *kitābah* dalam wasiat. Sekiranya *kitābah* tidak boleh dijadikan sebagai kaedah pembuktian, maka apa faedahnya Rasulullah SAW menyuruh seseorang itu menulis wasiatnya.¹¹ Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalāni, sekiranya sesuatu maklumat itu penting, maka hendaklah ia ditulis, kerana tidak ada cara terbaik untuk menjaganya melainkan dengan cara menulis.¹² Ijmak ulama menyatakan, *kitābah* telah menjadi amalan sejak di zaman *khulafa’ rāsyidīn* dan pemimpin zaman silam lagi.¹³

PANDANGAN FUQAHA MENGENAI STATUS KITĀBAH SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN

Para ulama fikah dan hadis bersepakat mengatakan boleh berpegang kepada *kitābah* dalam periwayatan hadis, pengumpulan hukum hakam dan seumpamanya. Walau bagaimanapun mereka berselisih mengenai penerimaan *kitābah* kaedah pembuktian.¹⁴

Menurut jumhur ulama (Hanafi, Maliki dan sesetengah pengikut Syafei dan Hanbali), *kitābah* tidak dapat dijadikan kaedah pembuktian.¹⁵ Hujah jumhur ialah *kitābah* hampir sama antara satu sama lain dan berkemungkinan akan terdedah kepada pemalsuan. Nas secara jelas menyebut hanya ikrar, kesaksian dan sumpah sahaja yang dapat diterima sebagai kaedah pembuktian. Sekiranya *kitābah* diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian bermakna akan berlaku penambahan terhadap nas.¹⁶ Manakala mazhab Maliki, setengah riwayat Ahmad dan sesetengah ulama *muta’akhirīn*,¹⁷ *kitābah* merupakan kaedah pembuktian yang dibenarkan syarak.¹⁸

Hasil penelitian dari kedua-dua pandangan, pendapat kedua yang mengatakan menjadikan *kitābah* dapat dijadikan sebagai kaedah pembuktian lebih relevan. Ini kerana:

1. Kekuatan hujah yang telah dikemukakan oleh pendapat kedua dan keperluan manusia terhadap *kitābah* itu sendiri. Sekiranya *kitābah* tidak dapat dijadikan sebagai kaedah pembuktian ia akan menyusahkan dan menyulitkan urusan harian seperti jual beli dan seumpamanya. Keadaan ini akan menyebabkan ada pihak-pihak akan mengambil kesempatan terhadap hak-hak orang lain, kerana tidak semua urusan mampu dilaksanakan dengan kesaksian sebagai bukti. Keadaan ini sebenarnya menyalahi prinsip-prinsip umum syarak iaitu memudahkan dan mengangkat kesulitan bagi tujuan menjaga hak-hak diganggu. Menurut Syekh Ahmad Ibrahim: “Para ulama terdahulu amat menitik berat mengenai *kitābah* dalam penulisan hukum-hakam sahaja kerana ia bersesuaian dengan suasana ketika itu. Namun pada hari ini, peranan *kitābah* bukan setakat untuk penulisan hukum-hakam bahkan lebih daripada itu seperti kaedah pembuktian khususnya berkaitan urusan muamalat. Selain daripada itu, kepakaran yang ada hari ini mampu untuk membezakan tulisan palsu atau asli. Ini akan menambahkan lagi keyakinan terhadap *kitābah* sebagai kaedah pembuktian yang kuat apabila dihadapkan ke mahkamah.”¹⁹
2. *Kitābah* juga dianggap sebagai satu *qarinah* yang kuat dalam pembuktian seperti *kitābah* yang terdapat pada dinding, tembok dan seumpamanya. Imam Ahmad pernah diajukan pertanyaan: “ketika tentera Islam membuka negara yang sebelumnya dikuasai tentera kafir, terdapat di pintu rumah atau tanah tertulis ‘ini adalah diwakafkan’, maka Imam Ahmad menjawab ia adalah benar kerana tulisan yang terdapat di situ merupakan satu *qarinah* yang kuat.”²⁰
3. Kaedah fikah ada menyebut *الكتاب كالخطاب* (*kitābah* sama dengan lafaz dalam menzahirkan kehendak dan niat di hati.²¹ Pepatah Arab ada menyebut, tulisan merupakan salah satu dari dua lidah manusia, oleh yang demikian *kitābah* boleh dijadikan hujah dalam pembuktian.²²

SYARAT-SYARAT KITĀBAH

Bagi memastikan *kitābah* dapat diterima dalam pembuktian, ia hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Para ulama bersepakat menerima *kitābah* ‘*al-Mustabīnah wa al-Marsūmah*’²³ dalam pembuktian, Namun mereka berselisih berkaitan dengan *kitābah* ‘*al-Mustabīnah wa Ghair al-Marsūmah*’.²⁴ Walau bagaimanapun para ulama bersepakat menolak *kitābah* ‘*Ghair al-Mustabīnah*’ sebagai bahan bukti dalam pendakwa.²⁵

JENIS-JENIS KITĀBAH

Menurut ulama fikah atau undang-undang, *kitābah* dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *kitābah rasmiyyah* (dokumen awam) dan *kitābah ʿurfiyyah* atau *ghair rasmiyyah* (dokumen persendirian). *Kitābah* awam merupakan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan atau pihak-pihak yang diberi kuasa oleh pemerintah untuk mengeluarkannya dan ia mengandungi syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi. Manakala pembahagian kedua ialah dokumen persendirian, yang mana ia di keluar oleh pihak-pihak persendirian yang tidak menepati syarat-syarat yang ada pada dokumen awam. Sebenarnya pembahagian dokumen menurut ulama fikah atau undang-undang adalah hampir sama, cuma perbezaan antara keduanya dari segi istilah dan beberapa syarat kecil sahaja.

PEMBAHAGIAN KITĀBAH MENURUT ULAMA FIKAH

Kitābah yang dikeluarkan oleh kerajaan (kitābah Rasmiyyah atau Muharrar Rasmiyy) Al-Barāʾāt al-Sultaniyyah (البراءات السلطانية) merupakan satu arahan atau maklumat bertulis yang dikeluarkan oleh pemerintah, berkaitan dengan kepentingan awam secara keseluruhannya atau arahan yang ditujukan kepada pihak-pihak yang tertentu. Arahan atau maklumat ini perlu mengandungi cap rasmi dan ditandatangani oleh kerajaan atau pihak-pihak yang diwakil oleh pihak kerajaan. *Kitābah* jenis ini terkawal dari segala bentuk penipuan atau pemalsuan.²⁶

Kitāb al-Qādi ila al-Qādi (كتاب القاضي إلى القاضي) *Kitāb al-Qādi ila al-Qādi* ialah maklumat yang dituliskan oleh hakim berdasar apa yang diperolehinya seperti kesaksian, pengakuan atau sesuatu hukuman yang dijatuhkannya terhadap seseorang. Hasil penghakiman yang telah dibuat, maka dihantarkan kepada hakim di tempat lain supaya ia membantu penghakiman di tempat lain atau dilaksanakan seperti yang tercatat. *Kitāb al-Qādi ila al-Qādi*²⁷ juga disebut sebagai dokumen penghakiman (*al-Kitāb al-Hukmiyy*).²⁸

*Diwān al-Qādi (ديوان القاضي)*²⁹ Imam al-Syarbini *Diwān al-Qādi* juga dipanggil "*Diwān al-Hukmī*." *Diwān al-Qādi* ialah ruangan yang mengandungi fail-fail berkaitan dengan maklumat seseorang, di dalamnya terdapat dokumen-dokumen seperti surat wasiat, surat-surat tuntutan, dokumen perjanjian berkaitan nafkah, hak penjagaan anak dan sebagainya." Dokumen-dokumen disimpan bertujuan memudahkan pihak mahkamah membuat rujukan ketika ia diperlukan.³⁰

KITĀBAH YANG DIKELUARKAN OLEH PIHAK PERSENDIRIAN (KITĀBAH GHAI RASMIYYAH ATAU KITĀBAH ʿURFIYYAH)

Menurut para fuqaha', terdapat beberapa bentuk *kitābah* yang dikeluarkan oleh pihak persendirian antaranya ialah:

Kitābah yang mengandungi kesaksian dan pengakuan (ikrar), *kitābah* yang mengandungi hak-hak dan hutang-hutang dengan seseorang serta *kitābah* berbentuk resit atau surat jual beli.

Adapun *kitābah* yang mengandungi kesaksian dan pengakuan (ikrar) mempunyai tiga bentuk iaitu *kitābah* yang mengandungi kesaksian penulis dokumen itu sendiri terhadap orang lain,³¹ *kitābah* yang mengandungi kesaksian orang yang telah meninggal dunia ataupun orang yang tidak dapat dikesan terhadap orang lain³² dan *kitābah* yang mengandungi ikrar penulis dokumen.³³ Manakala *kitābah* yang mengandungi hak-hak dan hutang-hutang dengan seseorang pula pada kebiasaannya terdapat dua bentuk iaitu buku catatan jual beli (*Dafātir al-Bayāʾ*, *al-Sorāf* dan *al-Simsār*)³⁴ termasuklah buku tiga lima yang banyak digunakan oleh peniaga-peniaga pada hari ini dan surat-menyurat.³⁵ Dokumen ini juga dinamakan sebagai "*Ilmu al-Wasāʾiq*" dan "*Ilmu al-Syurūt*." Apabila berlaku sesuatu pertelingkahan antara pihak-pihak, maka surat ini dapat dijadikan sebagai bukti di hadapan mahkamah.³⁶

JENIS-JENIS KITĀBAH MENURUT UNDANG-UNDANG

Manakala *kitābah* menurut perundangan dipecahkan kepada dua bahagian iaitu Dokumen Awam (*Kitābah rasmiyyah*) dan Dokumen Persendirian (*Kitābah ʿUrfiyyah*) seperti yang telah termaktub dalam seksyen 74 dan 75 Akta Keterangan 1950. Namun di Malaysia tidak begitu banyak rujukan yang menjelaskan secara detil mengenai Dokumen Awam (*Kitābah rasmiyyah*) dan Dokumen Persendirian (*Kitābah ʿUrfiyyah*).

Dokumen awam (kitābah rasmiyyah), syarat-syarat dan kekuatannya dalam pembuktian Sekalipun dokumen awam terdapat beberapa definisi, tetapi ia boleh dikatakan sebagai dokumen yang telah dibuat atau diterbitkan oleh penjawat awam atau pihak-pihak yang dilantik pemerintah mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasanya dan selepas ditandatangani oleh pihak pegawai tersebut.

Menurut seksyen 74 Akta Keterangan 1950, Dokumen Awam ialah (a) dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan - (i) kuasa pemerintah berdaulat; (ii) badan rasmi dan tribunal; dan (iii) pegawai awam, perundangan, kehakiman dan eksekutif, sama ada bagi Persekutuan atau Negeri atau bagi mana-mana bahagian lain Komanwel atau bagi sesuatu negara asing; dan (b) rekod awam mengenai yang disimpan di Malaysia mengenai dokumen persendirian.

Berdasarkan kepada definisi Dokumen Awam yang dinyatakan di atas, Dokumen Awam perlu memenuhi tiga syarat, iaitu:

1. Dokumen Awam hendaklah dikeluarkan oleh penjawat awam atau pihak-pihak yang dilantik khas oleh pihak kerajaan. Yang dimaksudkan dengan penjawat awam di sini ialah individu-individu

atau badan-badan yang diberikan autoriti untuk melaksanakan sesuatu tugas atau mengeluarkan sesuatu dokumen tertentu untuk kesejahteraan awam sama ada ia dibayar gaji ataupun sebaliknya. Contohnya pegawai yang diberikan tanggungjawab untuk mengeluarkan sijil kelahiran, kad pengenalan, passport, surat sumpah dan seumpamanya.³⁷

2. Dokumen Awam hendaklah dikeluarkan oleh pegawai yang mempunyai bidang kuasa yang khusus mengenai dokumen yang dikeluarkan. Seorang penjawat awam tidak boleh mengeluarkan semua dokumen rasmi, kerana setiap pegawai mempunyai bidang kuasa khas masing-masing. Arahan penghakiman misalnya hanya layak dikeluarkan oleh hakim-hakim yang dilantik mengendalikan kes-kes tertentu, passport hanya layak dikeluarkan oleh pegawai dari jabatan imigresen, surat kelahiran dan kematian hanya boleh dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran dan lain-lain lagi.³⁸
3. Dokumen Awam yang dikeluarkan hendaklah memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Sesuatu dokumen awam tidak ada nilainya sekiranya tidak memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Antara ciri-ciri yang dimaksudkan ialah dokumen hendaklah ditulis dengan bahasa kebangsaan yang dapat difahami tanpa ada sebarang tanda-tanda tambahan dari kandungan asal. Dokumen tersebut juga perlu ditandatangani oleh pegawai-pegawai atau pihak-pihak yang diberikan autoriti untuk mengeluarkan dokumen tersebut. Akhir sekali, di dalam dokumen tersebut terdapat tarikh yang jelas dokumen itu dikeluarkan, nama dan jawatan pegawai atau pihak yang berautoriti, biodata, tandatangan pihak-pihak yang terlibat dengan dokumen tersebut, nama wakil sekira ia melibatkan perwakilan dan lain-lain maklumat.³⁹

Apabila Dokumen Awam telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka dokumen tersebut mempunyai nilai pembuktian yang kukuh tanpa memerlukan pengakuan pihak yang mengeluarkan dokumen tersebut. Selain itu juga dokumen dapat dijadikan sebagai bukti terhadap sesuatu pendakwaan tanpa perlu ragu-ragu melainkan timbul keraguan jelas terhadap Dokumen Awam tersebut seperti berlaku pemalsuan tandatangan, cap rasmi dan seumpamanya. Sekiranya telah disahkan berlakunya pemalsuan terhadap dokumen tersebut seperti kad pengenalan atau passport palsu maka mahkamah berkuasa untuk menolak dokumen rasmi tersebut.⁴⁰

Dokumen persendirian (kitābah ʿurfīyyah), pembahagian, syarat-syarat dan kekuatannya dalam pembuktian Ke semua dokumen yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Dokumen Awam, maka ia dikira sebagai Dokumen Persendirian. Dokumen Persendirian boleh ditakrifkan sebagai dokumen persendirian

merupakan dokumen yang dibuat atau diterbitkan oleh pihak perseorangan tanpa melibatkan penjawat awam untuk membuat pengesahannya. Kadangkala dokumen dikeluarkan oleh penjawat awam juga dikira sebagai dokumen persendirian sekiranya ia diterbitkan atas dasar individu dan bukannya berdasarkan jawatan penjawat awam yang dipegang.⁴¹ Menurut seksyen 75 Akta Keterangan 1950 mengenai dokumen persendirian ialah Segala dokumen selain dokumen yang disebut dalam seksyen 74 ialah dokumen persendirian.

Dokumen Persendirian terbahagi kepada dua iaitu Dokumen Persendirian yang dapat dijadikan bahan bukti secara terus dan Dokumen Persendirian yang tidak dapat dijadikan bahan bukti secara terus. Kedua-dua dokumen ini dapat dijadikan bukti sekiranya ia memenuhi syarat-syaratnya iaitu dokumen tersebut mengandungi tulisan atau maklumat bertulis yang menyatakan maklumat sesuatu transaksi dilakukan seperti barangan, jumlah, nilai dan sebagainya. Selain daripada itu ia juga dapat dijadikan bukti sekiranya mengandungi tandatangan pihak-pihak yang terbabit yang menyatakan persetujuan terhadap transaksi yang dilakukan. Antara dokumen persendirian seperti surat-surat tidak rasmi, surat-surat melalui faks, catatan perniagaan dan seumpamanya.⁴²

Perbezaan antara dokumen awam dan dokumen persendirian Perbezaan antara Dokumen Awam dan Dokumen Persendirian boleh dibahagikan kepada beberapa sudut iaitu:

1. Dari Sudut Bentuk Atau Format
Syarat terpenting bagi Dokumen Awam ialah ia diterbitkan atau ditandatangani oleh pegawai yang dilantik khas oleh kerajaan. Berbeza dengan Dokumen Persendirian ia mensyaratkan perlu diterbitkan atau ditandatangani oleh pegawai-pegawai khas kerajaan.
2. Dari Sudut Kekuatan Pembuktiannya
Dokumen Awam mempunyai status pembuktian yang kuat dan tidak dapat dinafikan setelah memenuhi syarat-syarat sebagai Dokumen Awam serta diakui kebenaran kandungannya oleh pegawai khas, melainkan timbul isu pemalsuan terhadap dokumen tersebut. Tetapi Dokumen Persendirian boleh ditolak sekiranya berlaku penafian tandatangan dari pihak yang terbabit. Manakala penafian terhadap tarikh yang tercatat di dalam Dokumen Awam juga tidak diterima melainkan timbul isu pemalsuan. Berbeza pada Dokumen Persendirian, dokumen tersebut mungkin ditolak atau digantung sekiranya pihak-pihak mengingkari tarikh yang tercatat pada dokumen tersebut.
3. Dari Sudut Pelaksanaannya
Dokumen Awam mempunyai kuasa eksekutif dari sudut pelaksanaannya, segala maklumat dan arahan yang terkandung di dalam dokumen tersebut boleh dilaksanakan tanpa perlu merujuk terlebih

dahulu kepada pihak pemerintah untuk mendapat pengesahan. Keadaan ini berbeza dengan Dokumen Persendirian yang mana ia perlu merujuk kepada pihak-pihak yang berautoriti seperti kerajaan dan sebagainya bagi membuat pengesahan dokumen yang terkandung di dalamnya bagi diambil tindakan seterusnya.⁴³

PERBANDINGAN *KITĀBAH* MENURUT FIKAH DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada huraian sebelum ini, sebenarnya terdapat ciri-ciri persamaan antara *kitābah* menurut fikah dan *kitābah* menurut undang-undang semasa. Di samping itu juga terdapat beberapa perbezaan yang tidak ketara antara kedua-duanya. Kenyataan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

BAHAGIAN PERTAMA

Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan atau pegawai-pegawai yang dilantik bagi pihak kerajaan dalam urusan-urusan tertentu misalnya *Al-Barā'āt al-Sultaniyyah*, *Kitāb al-Qādi ila al-Qādi*, *al-Awāmīr al-Hukumiyyah* dan *Diwān al-Qādi*, kesemua dokumen-dokumen jenis ini menepati syarat-syarat dokumen rasmi seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang, iaitu ia dikeluarkan oleh pegawai-pegawai khas bagi pihak kerajaan yang menjalankan tugas menurut bidang kuasa yang diberikan kepadanya, menepati sifat dan bentuk yang telah ditentukan dan diiktiraf oleh undang-undang. Dalam undang-undang sivil dokumen jenis ini biasanya dikeluarkan oleh pejabat-pejabat kerajaan atau dokumen kehakiman atau surat perintah.

Namun di sini terdapat dua perbezaan antara syariah dan undang-undang iaitu:

1. Menurut jumhur ulama, penulisan dokumen tidaklah bersifat mengikat, ia hanya sunat dan digalakkan berbuat demikian. Namun menurut sesetengah ulama dan mufasirin, ia merupakan suatu perkara yang wajib dan mengikat. Keadaan ini berbeza dengan perundangan sivil, mana-mana dokumen awam ia bersifat mengikat dan wajib dipatuhi selagi tidak timbul keraguan dan tohmahan terhadap status keasliannya.
2. Penulis dokumen yang menulis di tempat awam⁴⁴ tidak dianggap sebagai rasmi menurut syariah, namun ia dianggap dokumen rasmi menurut undang-undang.⁴⁵

BAHAGIAN KEDUA

Dokumen yang diterbitkan oleh orang awam biasa atau Dokumen Persendirian seperti catatan kesaksian, catatan pengakuan, buku catatan jual beli (*Dafātīr al-Bayā'*, *al-Sorāf* dan *al-Simsār*) dan seumpamanya. Apabila

selamat dari pemalsuan dan perubahan dari dokumen asal, maka para ulama menerimanya dalam pembuktian. Namun perbezaannya dengan undang-undang adalah dari segi penyusunan dan pelaksanaannya:

Dokumen persendirian dari segi undang-undang disusun dalam beberapa bentuk dokumen dan setiap satunya terdapat sifat-sifat dan syarat-syarat tertentu. Selain daripada itu setiap jenis mempunyai kekuatannya sendiri dalam pembuktian. Namun hanya sedikit para fuqaha' secara terangan menerimanya sebagai kaedah pembuktian seperti ulama Hanafi yang menerima *Dafātīr al-Bayā'*, *al-Sorāf* dan *al-Simsār* merujuk kepada uruf setempat.⁴⁶

Apabila dilihat kepada dokumen menurut fiqh dan undang-undang, sebenarnya tidaklah terdapat perbezaan yang ketara. Perbezaan antara keduanya hanya merujuk kepada bentuk, pembahagiannya dan syarat-syarat kecil seperti syarat-syarat bagi pegawai yang layak mengeluarkan dokumen rasmi. Sebenarnya syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang tidaklah berlawanan dengan syarak, kerana ia membawa kepada kemaslahatan awam, memudahkan urusan dan dapat mengelakkan sebarang bentuk pemalsuan dan kezaliman. Ini kerana mana-mana ketetapan yang ditegakkan atas dasar masalah sekalipun tidak nyatakan dengan jelas di dalam nas-nas syarie dan tidak pula berlawanan dengan prinsip-prinsip syarak boleh dilaksanakan dan diterima pakai khususnya di Mahkamah Syariah.

KITĀBAH ELEKTRONIK SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN

Sebenarnya tidak terdapat nas-nas khusus yang mengiktiraf *kitābah* elektronik⁴⁷ sebagai salah satu kaedah pembuktian dalam transaksi semasa. Namun dalil-dalil umum dari al-Quran dan Sunah telah mengiktiraf transaksi melalui E-dagang, maka secara tidak langsung *kitābah* elektronik boleh diterima pakai sebagai kaedah pembuktian, ini kerana kedua-duanya tidak dapat dipisahkan.

Kesemua dalil-dalil yang telah dinyatakan sebelum ini menunjukkan *kitābah* dapat dijadikan bahan bukti sama ia berbentuk tradisional atau elektronik kerana nas-nas adalah berbentuk umum. Sekiranya ada pihak yang berpandangan *kitābah* di dalam nas-nas hanya merujuk kepada *kitābah* secara tradisional, bermakna al-Quran tidak mengiktiraf kemodenan sedangkan ia tidak sedemikian selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syarak. Dalam seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan 1950 juga memasukkan elektronik salah satu dari definisi *kitābah*. Peruntukan ini membuktikan keterangan elektronik boleh diterima pakai di mahkamah sebagai bahan bukti.

Setakat ini belum ada undang-undang khusus mengenai *kitābah* elektronik di Mahkamah Syariah di Malaysia, sama ada berkaitan dengan kes-kes muamalat,

jenayah atau kes-kes lain. Sekalipun tidak terdapat undang-undang khusus berkaitan dengan *kitābah* elektronik di Mahkamah Syariah, perkataan ‘*Kitābah Elektronik*’ ada disebut secara umum yang boleh dijadikan salah satu dari kaedah pembuktian. Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan 1950 misalnya telah memasukkan perkataan ‘elektronik’ salah satu dari definisi *kitābah*:

“... dokumen” ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperlihatkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan- (c) apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun *rakaman elektronik*, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data yang lain.”

Istilah ‘dokumen’ dalam peruntukan ini merangkumi sebarang bentuk perkara yang menerangkan atau menghuraikan sesuatu sama ada ia berbentuk, abjad, angka atau tanda atau gabungan satu atau lebih bentuk-bentuk yang dinyatakan di atas bertujuan untuk digunakan atau boleh juga digunakan untuk tujuan merekodkan perkara tersebut. Sebagai ilustrasi, perkataan yang dicetak, litograf atau fotograf merupakan dokumen. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa perkataan ‘menerangkan atau menghuraikan sesuatu’ tidaklah terhad kepada proses manual malah ia juga dapat diinterpretasikan sebagai penerangan atau penghuraian berbentuk automatik, elektronik dan digital. Good J di dalam kes *Munah Bte Ali lwn PP* telah memutuskan bahawa rakaman video yang melibatkan proses boleh dikategorikan sebagai dokumen menurut takrifan seksyen 3 Akta Keterangan 1950. Selari dengan pembangunan sains dan teknologi serta perkembangan era globalisasi istilah dokumen haruslah dikembangkan dengan memasukkan bahan berbentuk elektronik dan digital dalam skop interpretasinya.⁴⁸

Kenyataan ini dikuatkan dengan peruntukan seksyen 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 secara jelas menganggap komputer sebagai keterangan primer: “Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.” Seksyen ini menguatkan lagi bahawa Mahkamah Syariah menerima *kitābah* elektronik sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian.

Namun persoalan yang timbul, sejauh manakah persediaan Mahkamah Syariah untuk mengendalikan kes-kes berkaitan dengan *kitābah* elektronik. Merujuk kepada keputusan penerimaan rayuan oleh Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*, menunjukkan berlakunya kekkhilafan di kalangan pengamal undang-undang termasuk para Hakim dalam kes-kes berkaitan *kitābah* elektronik. Keadaan ini berlaku berkemungkinan kurangnya pendedahan mengenai *kitābah* elektronik atau pemahaman mengenai

kitābah dalam skop yang sempit iaitu tulisan secara penggunaan tangan atau peralatan tulisan secara tradisional semata-mata seperti pen dan kertas.

KESIMPULAN

Dahulunya ikrar dan syahadah merupakan kaedah pembuktian utama untuk semua kes sama ada jenayah atau muamalat. Namun pada hari ini *kitābah* atau dokumen merupakan kaedah terpenting dalam pembuktian, kerana ia lebih konsisten walaupun bagi kes-kes telah lama berlaku, sekalipun pihak-pihak yang terlibat telah meninggal dunia atau hilang. Kenyataan ini berasaskan kepada kaedah fiqh: “*kitābah* adalah seperti lisan.” Berbeza dengan syahadah dan ikrar, berkemungkinan berlaku pihak-pihak yang terlibat lupa terhadap perkara yang telah disaksikan atau berkemungkinan berlakunya kematian atau hilang. Selain daripada itu, definisi dan skop *kitābah* yang dikemukakan undang-undang lebih jelas, luas dan praktikal berbanding dengan fiqh. Kenyataan ini tidaklah bermakna kefahaman ulama-ulama silam berkenaan *kitābah* adalah sempit, kerana mereka terkesan dengan suasana dan kemudahan yang ada ketika itu.

Sekalipun terdapat peselisihan di kalangan ulama mengenai penerimaan *kitābah* sebagai kaedah pembuktian, namun hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak yang menerima *kitābah* lebih kuat dan relevan berbanding golongan yang menolak. Ini kerana, jika *kitābah* tidak diterima sebagai kaedah pembuktian ia akan menyusahkan dan menyulitkan urusan harian khususnya dalam urusan muamalat seperti jual beli dan seumpamanya yang menjadikan *kitābah* elemen terpenting di dalam transaksi yang dibuat. Jika dibandingkan antara *kitābah* menurut fiqh dan undang-undang semasa, hanya terdapat perbezaan kecil. Perbezaan yang dimaksudkan ialah merujuk kepada bentuk, pembahagiannya dan syarat-syarat kecil seperti syarat-syarat bagi pegawai yang layak mengeluarkan dokumen rasmi dan seumpamanya. Dengan kemajuan teknologi, mahkamah tidak menolak *kitābah* elektronik sebagai kaedah pembuktian kerana ia masih lagi di dalam ruang lingkup maksud *kitābah* dalam erti kata yang sebenar.

NOTA

¹ Al-Qurrāfī, Abū ‘Abbās Ahmad Ibn Idrīs al-Mālikīyy, *al-Zakhīrah fī Furū‘ al-Mālikīyyah*, Jil. 6, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 2001, hlm 6, Ibn Qayyim, Syamsuddin Abī ‘Abdillah Muhammad ibn Abī Bakr ibn Ayyūb, *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, Dār ‘Ālam al-Fawā’id, Makkah al-Mukarramah, 2007, hlm 174, al-Dhimyātī, Abū Bakar, *Hasyiah Fānah al-Tālibīn*, Dār al-fikr, Bayrūt, 1993, hlm 235, al-Jurjānī, Abū al-Hassan ‘Alī Muhammad ibn ‘Alīyy al-Husainiyy, *Kitāb al-Ta’rifat*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 2000, hlm 183 dan al-Farāhaidī, Abd al-Rahmān al-Khalīl ibn Ahmad, *Kitāb al-‘Ain*, Dār al-Ihyā’ al-Turath al-Arabiyy, Bayrūt, t.t, hlm 831.

- 2 Al-Bukhārī, Abū ʿAbdullāh Muḥammad Ibn Ismāʿīl, *Sahīh al-Bukhārī*, Jil. 3, *Bāb al-Wasāyā*, “Wasiyyah al-Rajul Maktūbatun ‘Indahu”, No. 2737, Dār Sahnūn, Tunis, t.t, hlm 186.
- 3 Menurut Ibn ʿĀbidīn *Kitābah* merupakan: “Apa yang tercatat di atas lembaran, tanah dan dinding, serta ia dapat difahami sekiranya dibaca.” Lihat: Ibn ʿĀbidīn, *Hāsyiah Radd al-Mukhtār ʿala al-Dur al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Absār*, Jil. 3, Dār al-Fikr, Bayrūt, 1995, hlm 271. Muḥammad al-Zuhailiyy berpendapat *kitābah* ialah: “Menzahirkan kata-kata dengan menggunakan huruf-huruf tertentu dengan syarat ia jelas dan dapat difahami atau *kitābah* juga merupakan tulisan berkaitan dengan hak-hak seseorang yang digunakannya untuk dijadikan bahan bukti di hadapan mahkamah.” Lihat: al-Zuhailiyy, Muḥammad, *Wasāʿil al-Ithbāt fī al-Syarīʿah al-Islāmiyyah wa Muʿamalāt al-Madaniyyah wa al-Ahwāl al-Syakhsyyah*, Jil 2, Maktabah al-Muʿayyad, al-Riyād, 1994, hlm 417.
- 4 al-Humaidiyy, Abd al-Rahmān Ibrāhīm, *Al-Qadaʿ wa Nizāmuḥu fī al-Kitāb wa al-Sunnah*, Maʿhad al-Buhuth al-ʿIlmiyyah, Makkah, 1989, hlm 437.
- 5 Sulaimān Marqus, *Usul al-Ithbāt wa Ijrahʿatuhu fī al-Mawād al-Madaniyyah fī al-Qanūn al-Misri*, ʿĀlam al-Kutub, Al-Qāherah, 1981, hlm 198.
- 6 Jal Zabdi Mohd. Yusoff, *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008, hlm 157.
- 7 Augustine Paul, *Evidence: Practie and Procedure*, LexisNexis Malaysia, Selangor, 2010, hlm 158.
- 8 Al-Tihāmī, Samih ʿAbd al-Wāhid, *Al-Tāʿāqud Ibrā al-Internat Dirāsah Muqāranah*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Misr, 2008, hlm 504.
- 9 al-Mazghaniyy, Rida, *Ahkām al-Ithbāt*, Maaʿhad al-Idārah al-Āmah, al-Saʿudiyy, 1985, hlm 171.
- 10 Al-Bukhārī, Abū ʿAbdullāh Muḥammad Ibn Ismāʿīl, *Sahīh al-Bukhārī*, Jil. 3, hlm 186.
- 11 Ibn Qayyim, *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syarīyyah*, hlm 174.
- 12 Ibn Hajar, Ahmad bin ʿAlīyy al-Asqālānī, *Fath Al-Bārī Bi Syarh Sahih Al-Bukhārīyy*, Jil. 6, Dar al-Fikr, Bayrūt, 1996, hlm 9.
- 13 Ibn Qudāmah, *al-Mughni*, Jil. 13, Dār al-Hadīth, al-Qāherah, 1996, hlm 598.
- 14 al-Zuhailiyy, Muḥammad, *Wasāʿil al-Ithbāt fī al-Syarīʿah al-Islāmiyyah wa Muʿamalāt al-Madaniyyah wa al-Ahwāl al-Syakhsyyah*, Jil. 2, hlm 423.
- 15 Al-Syīraziyy, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn Ali, *Al-Muḥazzab fī al-Fiqh al-Imām al-Syāfī*, Jil. 3, Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Bayrūt, 1995, hlm 401, Ibn Farhūn, Muḥammad, *Tabṣirah al-Hukkām*, Jil. 1 Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Bayrūt, 1995, hlm 304, Ibn Qayyim, *ʿĀlām al-Muaqīn ʿan Rabbi al-ʿĀlamīn*, Jil. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Bayrūt, 1991, hlm 204 dan Ibn Qudāmah, *al-Mughni*, Jil. 13, hlm 605.
- 16 Namun kedua hujah ini tidak dapat dijadikan sebagai dalil kukuh untuk menolak *Kitābah* sebagai kaedah pembuktian. Ibn Qayyim menyatakan setiap orang mempunyai gaya dan kaedah penulisan tersendiri yang berbeza antara satu sama lain sekalipun pada zahirnya seolah-olah sama. Selain daripada itu khidmat pakar dapat digunakan bagi membuat pengesahan penulisnya. (Lihat: Al-Syīraziyy, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn Ali, *Al-Muḥazzab fī al-Fiqh al-Imām al-Syāfī*, Jil. 3, hlm 401 dan al-Hasfakiyy, Muḥammad ibn ʿAli, *Radd al-Mukhtār ʿala al-Dār al-Mukhtār Hāsyiah ibn ʿĀbidīn*, Jil. 8, Dār al-Maʿrifat, Bayrūt, 2000, hlm 152. Perkataan “شَاهِدًا أَوْ يَمِينًا” di dalam hadis tidak bermakna kaedah pembuktian hanya terhad kepada kesaksian atau sumpah semata-mata. Perkataan kesaksian atau sumpah kerap disebut kerana ia yang paling banyak digunakan dalam pembuktian dan namun tidaklah bermakna kaedah-kaedah pembuktian lain ditolak.
- 17 Ibn Farhūn, Muḥammad, *Tabṣirah al-Hukkām*, Jil. 1, hlm 303, Ibn Qayyim, *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syarīyyah*, hlm 173, Ibn Muflih, Muḥammad, *Kitāb al-Furūʿ*, Jil.11, Muʿasasah al-Risālah, Bayrūt, 2003, hlm 227 dan Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrāhīm ibn Muḥammad, *Al-Bahr al-Rāʿiq Syarh Kunz al-Daqāʿiq*, Jil. 7, Dār al-Ihyāʿ al-Turāth al-ʿArabiyy, Bayrūt, 2002, hlm 5.
- 18 Golongan kedua merujuk kepada al-Quran, Sunnah dan akal. Firman Allah SWT:
- ﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايْتُمْ بِدِينِي إِلَىٰ أَحَلِّ مُسَمًّى فَكُتُبُوهُ ﴾
- Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Al-Quran, al-Baqarah, 2: 282.
- Ayat ini secara terang-terangan Allah SWT menyebut perintah *Kitābah* (menulis) “فَكُتُبُوهُ”. Sekiranya *Kitābah* tidak dapat dijadikan kaedah pembuktian, apa gunanya Allah SWT memerintahkan *Kitābah* apabila transaksi hutang itu dibuat. Di dalam ayat lain Allah SWT berfirman:
- ﴿ قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ إِنِّي أُلْقِيَتُ إِلَىٰ كِتَابٍ كَرِيمٍ . إِنَّهُ مِن سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . أَلَا تَعْلَمُونَ عَلَىٰ وَأْتُونِي مُسْلِمِينَ ﴾
- “(setelah membaca surat itu), berkatalah raja perempuan negeri Saba’: “Wahai ketua-ketua kamu! Sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat Yang Mulia. Sesungguhnya surat itu dāri Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): ‘Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Bahawa janganlah kamu meninggi diri terhadapku, dan datanglah kamu kepadaku Dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran ugama Allah). Al-Quran, al-Naml, 27: 29-31.
- Ayat ini menyatakan, sesungguhnya Nabi Sulaiman as menggunakan *kitābah* untuk menyampaikan dakwah kepada dan peringatan bagi mereka yang ingkar serta baginda menjadikan *kitābah* sebagai ganti dakwah dengan lisan. Ini menunjukkan bahawa *kitābah* telah dijadikan sebagai hujah sejak zaman nabi terdahulu lagi. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tidak berhak seorang Muslim yang memiliki sesuatu yang (pantas untuk) diwasiatkan dan ia masih mempunyai kesempatan hidup selama dua malam melainkan hendaklah ia mempunyai wasiat yang ditulis.” Lihat: al-Nawawi, Mahyuddin, *Sahih Muslim*, Jil. 11, Dar al-Maʿrifat, Bayrūt, 1997, hlm 78. Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menyuruh umatnya menulis wasiat. Kalaupun penulisan wasiat tidak penting dan tidak berfaedah, maka sudah tentulah Rasulullah SAW tidak akan menyuruh kita berbuat demikian. (Ibn Qayyim, hlm. 174). Terdapat hadis-hadis lain, Rasulullah SAW mengutus surat kepada raja-raja termasuk di Rom dan parti yang bertujuan untuk menyeru mereka kepada Islam. Ada antara hadis-hadis yang menyatakan Rasulullah menurunkan cop rasmi kerajaan, kerana sesetengah kerajaan tidak akan melayan mana-mana surat tanpa ada cap rasmi seperti dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik ra. Al-Bukhari. *Sahīh al-Bukhārī*, Jil. 3, hlm 10 dan Al-Mawardiyy. Abū al-Hassan ʿAlī ibn Muḥammad, *Adāb al-Qādī*, Matbaʿah al-ʿAni, Baghdād, 1972, hlm 92. Ini menunjukkan bahawa *kitābah* dapat dijadikan hujah sama ada untuk dakwah atau pembuktian atau lain-lainnya. Lihat: Sālih Uthmān Halīl, *Tauthīq al-Duyūn fī al-Fiqh al-Islāmiyy*, Jāmiʿah al-Imām Ibn Saʿud al-Islāmiyyah, Al-Saʿūdiyy, 2001, hlm 334.
- 19 Ahmad Ibrāhīm Ibrāhīm, *Turuq al-Qadāʿ fī al-Syarīʿah al-Islāmiyyah*, Matbaʿah al-Salafiyah, al-Qāherah, 1928, hlm 75.
- 20 Ibn Qayyim, *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syarīyyah*, hlm 174.
- 21 al-Zarqāʿ, Mustafā Ahmad, *Syarh al-Qawāʿid al-Fiqhiyyah*, Dār al-Qalam, Dimasyq, 2007, hlm 349.
- 22 Ibn ʿĀbidīn, *Hāsyiah radd al-Mukhtār ʿala al-Dur al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Absār*, Jil. 5, hlm 582, Al-Bahūtiyy, Mansūr bin Yūnus, *Kasyāf al-Qināʿ*, Jil. 6, Dār Ihyāʿ al-Turāth al-ʿArabiyy, Bayrūt, 2000, hlm 387 dan Ibn Qayyim, *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syarīyyah*, hlm 174.
- 23 “al-Mustabīnah wa al-Marsūmah”: *Kitābah* “al-Mustabīnah” adalah bentuk *kitābah* itu masih kekal dan boleh dibaca. “al-Marsūmah” pula bermaksud *kitābah* yang dibuat menurut prosedur atau

- peraturan yang telah menjadi adat kebiasaan bagi sesuatu *Kitābah* misalnya tercatat pada *Kitābah* tersebut nama dan tandatangan pihak yang membuat sesuatu *kitābah*. *Kitābah* bentuk ini merupakan bentuk *Kitābah* yang paling kuat dalam pembuktian.
- ²⁴ “*al-Mustabīnah wa Ghair al-Marsūmah*”: *Kitābah* ini bentuknya masih kekal dan boleh dibaca namun ia tidak mengikut peraturan *Kitābah* pada kebiasaannya seperti tidak terdapat nama penulis kepada *Kitābah* itu atau kepada siapakah *kitābah* itu ditujukan. Para ulama berselisih pendapat mengenai status pembuktian *kitābah* jenis ini. Namun kebanyakan ulama berpendapat *kitābah* ini diterima sekiranya ‘*uruf*’ atau kebiasaan masyarakat setempat menerimanya sebagai bukti. Sekiranya masyarakat setempat tidak dapat menerima melainkan terdapat nama penghantar dan penerima, maka *kitābah* jenis ini ditolak dari dijadikan bahan bukti.
- ²⁵ “*Ghair Mustabīnah*”: merupakan *kitābah* yang tidak bersifat kekal, tidak jelas dan tidak boleh dibaca seperti *kitābah* ditulis atas air atau udara. *Kitābah* seperti ini tidak dijadikan bahan bukti seperti yang disepakati oleh para ulama. Lihat: al-Zuhailiyy, Wahbah, *Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuh*, Jil. 4, Dār al-Fikr, Dimasyq, 2007, 2932 dan Muhammad, al-Zuhailiyy, *Fiqh al-Qadā’ wa al-Da’wa wa al-Ithbāt*, Jāmi’ah al-Syāriqah, al-Syāriqah, 2008, hlm 298.
- ²⁶ Para ulama menerima *Al-Barā’āt al-Sultaniyyah* (البراءات السلطانية) sebagai bukti di hadapan mahkamah. Ini kerana *kitābah* telah dikeluarkan oleh kerajaan dan ditandatangani pihak-pihak yang mempunyai kuasa serta ia amat sukar untuk ditiru oleh pihak-pihak. Lihat: Ibn Nuja'im, Zainuddin ibn Ibrahim ibn Muhammad, *al-Asybah wa al-Nazāir ‘ala Mazhab Abī Hanīfah*, Jil. 7, al-Maktabah ‘Asriyyah, Bayrūt, 1997, hlm 246 dan Ibn ‘Ābidīn, *Hāsyiah radd al-Mukhtār ‘ala al-Dur al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Absār*, Jil. 5, hlm 580.
- ²⁷ Ibn ‘Ābidīn, *Hāsyiah radd al-Mukhtār ‘ala al-Dur al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Absār*, Al-Syīraziyy, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn Ali, *Al-Muhazzab fī al-Fiqh al-Imām al-Syāfi’ī*, Jil. 3 hlm 401, Abū al-Barakat, Abdullah ibn Ahmad ibn Mahmud al-Hanafiyy, *Al-Bahr al-Ra’iq Syarh Kunz al-Daqa’iq*, Jil. 7, Dār al-Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, Bayrūt, 2002, hlm 5 dan Ibn Abī Dam, Ibrāhīm ibn ‘Abdullah, *Kitāb Adāb al-Qadā’*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 1987, hlm 343.
- ²⁸ Jumhur Ulama termasuk empat mazhab yang masyhur, menyatakan harus menggunakan *Kitāb al-Qādi ila al-Qādi* dalam penghakiman apabila memenuhi syarat-syaratnya seperti ia disahkan benar dan menepati ciri-ciri dokumen rasmi. Lihat: Al-Qurrāfi, Abū ‘Abbās Ahmad Ibn Idrīs al-Mālikiyy, *al-Zakhīrah fī Furū’ al-Mālikiyyah*, Jil. 1, hlm 99 dan Al-Bahūtiyy, Mansūr bin Yūnus, *Kasyāf al-Qinā’*, Jil. 6, hlm 387. Kenyataan ini sabda Rasulullah SAW:
- عن الضحاک بن سفيان "أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كتب إليه أن يورث امرأة أشيم الضبائي من دية زوجها".
- Daripada Dhohāk bin Sufiān*: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menulis surat kepadanya, supaya isteri Ashyam al-Dhobābiyy mewarisi dīat suaminya.*” Lihat: Al-Tirmizī, Muhammad bin ‘Isa, *Sunan al-Tirmizī*, Jil. 4, *Bāb mā jā’a fī Mirāth min dīyah zaujihā*, No. 2193, Dar Sahnūn, Istanbūl, 1992, hlm 182, Ibn Majah, Abū ‘Abdullah Muhammad ibn Yazīd al-Qazwainī, *Sunan Ibn Majah*, Jil. 2, *Bāb min al-Dīyah*, No. 2642, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 1998, hlm 883 dan Abū Daud, Sulaimān ibn al-Asy’ath al-Sajistani al-Azdi, *Sunan Abi Daud*, Jil 3, *Bāb fī al-Mar’ah Tarithu min dīyah zaujihā*, No. 2925, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 1997, hlm 227.
- Ijmak para sahabat juga bersetuju pemakaian *Kitāb al-Qādi ila al-Qādi*, kerana sayidina Ali r.a menerimanya tanpa mendapat bantahan Dāri para sahabat. Lihat: Syaikhī Zādah, ‘Abd al-Rahmān ibn Muhammad ibn Sulaimān al-Qilyūbiyy al-Hanafiyy *Majma’ al-Anhār fī Syarh Multaqa al-Abghār*, Jil. 3, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 1998, hlm 230. Di sini menunjukkan bahawa *Kitāb al-Qādi ila al-Qādi* boleh diterima pakai dalam penghakiman apabila ia memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa keraguan dari segi kesahihan dokumen tersebut.
- ²⁹ Jumhur ulama bersepakat menerima *Diwān al-Qādi* sebagai bukti di mahkamah, selagi mana tidak berlaku sebarang bentuk tohmahan mengenai keaslian dokumen-dokumen tersebut dari sebarang bentuk penipuan atau pemalsuan. Lihat: Al-Kāsānī, Abū Bakar Ibn Ma’ūd, *Badā’ al-Sanā’i’*, Jil. 5, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 1997, hlm 446, Syarbīnī, Muhammad ibn Khātib *Mughnī al-Muhtāj*, Jil. 6, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrūt, 1998, hlm 293 dan Muhammad, al-Zuhailiyy, *Fiqh al-Qadā’ wa al-Da’wa wa al-Ithbāt*, hlm 298.
- Menurut Muhammad al-Zuhailiyy, *Diwān al-Qādi* boleh dikategorikan sebagai *Kitābah rasmiyy* apabila ia memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan bagi sesuatu dokumen rasmi seperti yang akan dibincangkan nanti. Menurut beliau lagi *Diwān al-Qādi* lebih kuat dari *Kitāb al-Qādi ila al-Qādi* dari segi pembuktian. Lihat: Muhammad, al-Zuhailiyy, *Fiqh al-Qadā’ wa al-Da’wa wa al-Ithbāt*, hlm 298.
- ³⁰ Al-Mawardiyy. Abū al-Hassan ‘Ali ibn Muhammad, *Adāb al-Qādī*, Baghdād: Matba’ah al-Āni, 1985, hlm 267, Kāsānī, Abū Bakar Ibn Ma’ūd, *Badā’ al-Sanā’i’*, Jil. 5, hlm 446-449, al-Hasfakiyy, Muhammad ibn ‘Ali, *Radd al-Mukhtār ‘ala al-Dār al-Mukhtār Hāsyiah ibn ‘Ābidīn*, Jil. 8, hlm 152 dan Syarbīnī, Muhammad ibn Khātib *Mughnī al-Muhtāj*, Jil. 6, hlm 293.
- ³¹ Para ulama berselisih pendapat mengenai peranan *kitābah* dalam bentuk ini sebagai kaedah pembuktian. Menurut sesetengah ulama khususnya Imam Abū Hanifah, *kitābah* bentuk ini tidak boleh dijadikan sebagai kaedah pembuktian melainkan setelah dia mengingati apa yang disaksikannya. Lihat: Kāsānī, Abū Bakar Ibn Ma’ūd, *Badā’ al-Sanā’i’*, 5:410 dan Ibn Farhūn, Muhammad, *Tabsirah al-Hukkām*, 1:304. Menurut sebahagian ulama lain, *kitābah* yang mengandungi kesaksian seseorang terhadap orang lain dapat diterima sebagai pembuktian sekalipun saksi tersebut sudah melupai apa yang telah disaksikannya, sekiranya ia disimpan di tempat yang selamat dan dapat disahkan bahawa tulisan tersebut adalah tulisannya. Ini merupakan pandangan imam Malik, sesetengah mazhab syafei, Hanbali dan Abū Yusuf. Lihat: *Ibid*. Pendapat inilah yang disokong oleh kebanyakan ulama kerana berkemungkinan kesaksian yang dibuat oleh seseorang melalui dokumen dapat memberi kebaikan kepada pihak-pihak selagi mana keaslian dan kesahihan tidak diragui.
- ³² Para ulama juga berselisih pendapat mengenai kekuatan *kitābah* ini sebagai kaedah pembuktian kepada dua pendapat. Menurut pendapat yang paling masyhur di kalangan Maliki dan sesetengah hanbali, *kitābah* jenis ini diterima sebagai bahan bukti. Mereka berpendapat kesaksian melalui tulisan adalah mewakili kesaksian secara tulisan, selagi mana tulisan tersebut disahkan dari segi keasliannya. Selain daripada itu, penulis memenuhi syarat-syarat seperti adil sehinggalah meninggal atau sehingga hari terakhir dia ditemui sebelum menghilangkan diri. Lihat: Ibn Farhūn, Muhammad, *Tabsirah al-Hukkām*, 1:304. Namun jumhur, kesaksian melalui *kitābah* orang yang mati atau hilang tidak dapat diterima kerana kesaksian itu adalah melalui mendengar dan melihat dan ciri-ciri tersebut tidak terdapat di dalam kesaksian melalui *kitābah*. Menurut pandangan majoriti ulama terkini dan merupakan juga pendapat penulis, pendapat pertama adalah lebih rajih. Sekiranya *kitābah* yang mengandungi kesaksian orang yang telah meninggal dunia ataupun orang yang tidak dapat dikesan terhadap orang lain tidak diterima sebagai bukti, maka apa faedahnya Rasulullah SAW menyuruh seseorang itu menulis wasiatnya seperti sabda Baginda SAW yang bermaksud: *Seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya.*
- ³³ Kaedah pembuktian melalui *kitābah* yang mengandungi ikrar penulis dokumen adalah diterima. Kerana *kitābah* menggambarkan kehendak penulis itu sendiri seperti mengaku melihat atau mendengar sendiri sesuatu kes. Lihat: Syarbīnī, Muhammad ibn Khātib *Mughnī al-Muhtāj*, Jil. 6, hlm 380.
- ³⁴ Imam Hanafi menolak tulisan dalam dokumen sebagai bahan bukti, melainkan buku catatan jual beli (*Dafātīr al-Bayā’*, *al-Sorāf* dan

- al-Simsār*). Menurut Imam Hanafi penerimaan buku catatan jual beli sebagai bahan bukti bersandarkan kepada adat setempat, kerana menjadi satu kebiasaannya kebanyakan peniaga menulis dalam buku catatannya berkaitan dengan urusan jual beli atau hutang. Oleh itu apa-apa maklumat yang tercatat dalam buku tersebut boleh dijadikan sebagai bahan bukti sekiranya berlaku kematian kerana ia dapat mengelakkan sebarang bentuk masyakah dan hak-hak yang patut ditunaikan antara dirinya dengan orang lain khususnya berkaitan dengan hutang. Lihat: al-Zuhailiyy, Muhammad, *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Mu'amalāt al-Madaniyyah wa al-Ahwāl al-Syakhsyyah*, Jil. 2, hlm 471.
- ³⁵ Para ulama bersepakat menyatakan surat boleh dijadikan bahan bukti sekalipun tanpa kehadiran penulisnya bagi memberi keterangan di mahkamah. Ini kerana di dalam kaedah fiqh ada menyatakan (الكتاب بين الغائبين كالخطاب بين الحاضرين) ertinya: "Dokumen (bertulis) bagi mewakili orang yang hilang adalah sama dengan percakapan orang yang hadir." Oleh itu jika seseorang mengutus surat kepada pihak lain seperti menyatakan hutang, lafaz talak dan sebagainya dengan memenuhi syarat sesuatu dokumen seperti jelas, dapat difahami serta dapat disahkan penulisnya, maka *kitābah* tersebut dapat dijadikan bukti di hadapan mahkamah. Lihat: al-Burnū, Muhammad Sidīqiyy ibn Ahmad, *Mausū'ah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Jil. 7, Mu'asasah al-Risālah, Bayrūt, 2003, hlm 282.
- ³⁶ Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrāhīm ibn Muhammad, *al-Asybah wa al-Nazā'ir 'ala Mazhab Abī Ḥanīfah*, Jil. 7, hlm 374-378.
- ³⁷ Sālih Uthmān Halīl, *Tauthīq al-Duyūn fī al-Fiqh al-Islāmiyy*, hlm 347.
- ³⁸ Ahmad Ibrāhīm Ibrāhīm, *Turuq al-Qadā' fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Matba'ah al-Salafiyyah, al-Qāherah, 1928, hlm 76.
- ³⁹ Al-Sanhūrī, 'Abd al-Razāk Ahmad, *Al-Wasī fī Syarh al-Qanūn al-Madaniyy al-Jadīd*, Jil. 2, Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, Al-Qāherah, 1963, hlm 132.
- ⁴⁰ Nabil Ibrāhīm Sa'ad, *Al-Ithbāt fī al-Mawād al-Madaniyyah wa al-Tijāriyyah fī Dhaw' al-Fiqh wa al-Qada'*, Mansya'ah al-Ma'ārif, Al-Askandariyyah, 2000, hlm 117.
- ⁴¹ Mustafā Majdī, *Qanūn al-Ithbāt fī al-Mawād al-Madaniyyah wa al-Tijāriyyah*, Dār al-Thaqāfah, Al-Qāherah, 1991, hlm 177.
- ⁴² Sulaimān Marqus, *Usūl al-Ithbāt wa Ijra'atuhi fī al-Mawād al-Madaniyyah fī al-Qanūn al-Misri*, hlm 196, dan Mohamad Hasan Qāsim, *Qanūn al-Ithbāt fī al-Mawād al-Madaniyyah wa al-Tijāriyyah*, Mansyurāt al-Halabiyy al-Huquqiyyah, Bayrūt, 2005, hlm 196.
- ⁴³ 'Abd al-Rahmān 'Abd al-'Azīz al-Qāsim, *al-thbāwa al-Tauthīq Amām al-Qadā'*, Matba'ah al-Sa'adah, t.t, hlm 70.
- ⁴⁴ Sekiranya di negara-negara Arab, terdapat penulis-penulis yang diupah untuk mengisi borang-borang tertentu atau penterjemah maklumat. Kemudian maklumat tersebut dicap untuk membuktikan kepada pihak kerajaan atau yang berautoriti bahawa ia telah disemak. Kebiasaannya mereka tidak mempunyai pejabat khusus dan hanya meletakkan kerusi dan meja di bawah pokok-pokok di hadapan mahkamah atau pejabat imigresen atau mana-mana tempat yang memerlukan khidmat tersebut.
- ⁴⁵ al-Zuhailiyy, Muhammad, *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Mu'amalāt al-Madaniyyah wa al-Ahwāl al-Syakhsyyah*, Jil. 2, hlm 486.
- ⁴⁶ al-Zuhailiyy, Muhammad, *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Mu'amalāt al-Madaniyyah wa al-Ahwāl al-Syakhsyyah*, Jil. 2, hlm 486.
- ⁴⁷ *Kitābah* elektronik boleh ditakrifkan sebagai: "sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik di mana bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan." Sumber bahan bukti elektronik dan digital ialah seperti chip VLSI, SDD, hard disk, telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad SDD, alat pegimbas, CD, DVD, VCD, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi." Mohamad Ismail bin Hj. Mohamad Yunus, Ph.D., *Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini*, The INSAF Publication, Kuala Lumpur: 2006, hlm 3.
- ⁴⁸ Mohamad Ismail Bin Hj. Mohamad Yunus, Ph.D., *Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini*, The INSAF Publication, Kuala Lumpur: 2006, hlm 3.

RUJUKAN

- Abū al-Barakat, Abdullah ibn Ahmad ibn Mahmud al-Hanafiy. 2002. *Al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kunz al-Daqa'iq*. Bayrūt: Dār al-Iyā' al-Turāth al-'Arabiyy.
- Abū Daud, Sulaiman ibn al-Asy'ath al-Sajistani al-Azdi. 1997. *Sunan Abi Daud*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Ibrāhīm Ibrāhīm. 1928. *Uruq al-Qadā' fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. al-Qāherah: Maba'ah al-Salafiyyah.
- Al-Bahūtiyy, Manūr bin Yūnus. 2000. *Kasyāf al-Qinā'*. Bayrūt: Dār Iyā' al-Turāth al-'Arabiyy.
- Al-Bukhāri, Abū 'Abdullah Muhammad Ibn Isma'īl. t.t. *āth al-Bukhāri*. Tunis: Dār Sanūn.
- al-Burnū, Muhammad Sidīqiyy ibn Ahmad. 2003. *Mausū'ah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Bayrūt: Mu'asasah al-Risālah.
- al-Dhimiyyātī, Abū Bakar. 1993. *Asyiah f'ānah al-Tālibīn*. Bayrūt: Dār al-fikr.
- al-Farāhaidī, Abd al-Rahmān al-Khalil ibn Ahmad. t.t. *Kitāb al-'Ain*. Bayrūt: Dār al-Ihyā' al-Turath al-Arabiyy.
- al-Hafakiyy, Muhammad ibn 'Ali. 2000. *Radd al-Mukhtār 'ala al-Dār al-Mukhtār āsyiah ibn 'Ābidīn*. Bayrūt: Dar al-Ma'rifat.
- al-umaiyy, Abd al-Rahman Ibrahīm. 1989. *Al-Qaa' wa Niāmuhi fī al-Kitāb wa al-Sunnah*. Makkah: Ma'ahad al-Buhu al-Ilāmiyyah.
- al-Jurjānī, Abū al-Hassan 'Ali Muhammad ibn 'Aliyy al-usainiyy. 2000. *Kitāb al-Ta'rifat*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kāsānī, Abū Bakar Ibn Ma'ūd. 1997. *Badā'ī al-Sanā'ī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mawardiyy, Abū al-Hassan 'Ali ibn Muhammad. 1972. *Adāb al-Qā'ī*. Baghdād: Maba'ah al-Āni.
- Al-Mazghaniyy, Ria. 1985. *Ahkām al-Ithbāt*. al-Sa'udiyy: Maa'had al-Idārah al-Āmah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1997. *Saih Muslim*. Bayrūt: Dar al-Ma'rifat.
- Al-Qurrāfī, Abū 'Abbās Ahmad Ibn Idrīs al-Mālikiyy. 2001. *al-Zakhīrah fī Furū' al-Mālikiyyah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sanhūrī, 'Abd al-Razāk Ahmad. 1963. *Al-Wasī fī Syar al-Qanūn al-Madaniyy al-Jadīd*. Al-Qāherah: Dār al-Nahah al-'Arabiyyah.
- Al-Syarbīnī, Muhammad ibn Khātib. 1998. *Mughnī al-Muhtāj*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syīraziyy, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn Ali. 1995. *Al-Muhazzab fī al-Fiqh al-Imām al-Syāf'ī*. Bayrūt: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tihāmī, Sami 'Abd al-Wāhid. 2008. *Al-Ta'āqud Ibrā al-Internat Dirāsah Muqāranah*. Mīr: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmizī, Muhammad bin 'Isa. 1992. *Sunan al-Tirmizī*. Istanbūl: Dar Sanūn.
- Al-Zanībāt, Dr. Mubārak, *al-Khibrah al-Fanniyyah fī Ithbāt al-Tazwīr fī al-Mustanadat*. 2005. 'Ammān: Dār al-Thaqāfah.

- al-Zarqā', Mustafā Ahmad. 2007. *Syar al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- al-Zuhaili, Muhammad. 1994. *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Mu'amalāt al-Madaniyyah wa al-Awāl al-Syakhiyyah*. al-Riya: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Augustine Paul. 2010. *Evidence: Practie and Procedure*. Selangor: Lexis Nexis Malaysia.
- °Abd al-Rahman °Abd al-°Azīz al-Qāsim. t. t. *Al-ithbāwa al-Tauthīq Amām al-Qaā'*. T.t: Maba'ah al-Sa'adah.
- Ibn Abī Dam, Ibrāhīm ibn °Abdullah. 1987. *Kitāb Adāb al-Qaā'*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Abidin. 1995. *Hāsiyah radd al-Mukhtār °ala al-Dur al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Absār*. Bayrūt: Dar al-Fikr.
- Ibn Farhūn, Muhammad. 1995. *Tabirah al-hukkām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin °Aliyy al-Asqalāni. 1996. *Fath Al-Bārī Bi Syar ai Al-Bukhāriyy*. Bayrūt: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, Abū °Abdullah Muhammad ibn Yazīd al-Qazwainī. 1998. *Sunan Ibn Majah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Mufli, Muhammad. 2003. *Kitāb al-Furūc*. Bayrūt: Mu'asasah al-Risālah.
- Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrāhīm ibn Muhammad. 1997. *al-Asybah wa al-Nazāir °ala Mazhab Abī Hanīfah*. Bayrūt: al-Maktabah °Asriyyah.
- Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrāhīm ibn Muhammad. 2002. *Al-Bar al-Rā'iq Syar Kunz al-Daqā'iq*. Bayrūt: Dār al-Iyā' al-Turāth al-°Arabiyy.
- Ibn Qayyim. 1991. *°Alām al-Muaqī'in °an Rabbi al-°Ālamīn*. Bayrūt: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim. 2007. Syamsuddin Abī Abdillāh Muhammad ibn Abī Bakr ibn Ayyūb. *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syar'iyah*. Makkah al-Mukarramah: Dār °Ālam al-Fawā'id.
- Ibn Qudāmah. 1996. *Al-Mughni*. Al-Qāherah: Dār al-Hadīth.
- Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2008. *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Hasan Qāsim. 2005. *Qanūn al-Ithbāt fī al-Mawād al-Madaniyyah wa al-Tijāriyyah*. Bayrūt: Mansyurāt al-alabiyy al-uquqiyyah.
- Muhammad, al-Zuailiy. 2008. *Fiqh al-Qaā' wa al-Da'wa wa al-Ithbāt*. al-Syāriqah: Jāmi'ah al-Syāriqah.
- Mustafa Majdī. 1991. *Qānūn al-Ithbāt fī al-Mawād al-Madaniyyah wa al-Tijāriyya*. Al-Qāherah: Dār al-Thaqāfah.
- Nabīl Ibrāhīm Sa'ad. 2000. *Al-Ithbāt fī al-Mawād al-Madaniyyah wa al-Tijāriyyah fī hau' al-Fiqh wa al-Qaa'*. Al-Askandariyyah: Mansya'ah al-Ma'ārif.
- ālih Uthman Hafīl. 2001. *Tauthīq al-Duyūn fī al-Fiqh al-Islāmiyy*. Al-Sa'ūdiyy: Jāmi'ah al-Imām Ibn Sa'ud al-Islāmiyyah.
- Sulaimān Marqus. 1981. *Usūl al-Ithbāt wa Ijrā'atuhu fī al-Mawād al-Madaniyyah fī al-Qanūn al-Miri*. Al-Qāherah: °Ālam al-Kutub.
- Syaikhi Zādah, °Abd al-Rahmān ibn Muhammad ibn Sulaimān al-Qilyūbiyy al-Hanafiyy. 1998. *Majma' al-Anhār fī Syar Multaqa al-Abār*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Dr. Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan
- Dr. Hj Zulfakar Ramlee
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan

